

PANDUAN TEKNIKAL

PANDUAN PERMOHONAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN PERSIJILAN PEGAWAI PERLINDUNGAN SINARAN



Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan
Perubahan Iklim
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-8922 5888

Fax: 03-8922 3685

Laman Web: <http://www.aelb.gov.my>

KANDUNGAN

MUKA SURAT

| | |
|--|---|
| 1. SKOP | 2 |
| 2. SINGKATAN | 2 |
| 3. TAFSIRAN | 2 |
| 4. SYARAT KELAYAKAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN | 3 |
| 5. PROSEDUR PERMOHONAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN | 3 |
| 6. KERTAS PEPERIKSAAN | 4 |
| 7. PENILAIAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN | 6 |
| 8. PEPERIKSAAN ULANGAN..... | 6 |
| 9. MAKLUMAT TAMBAHAN | 7 |
| 10. PENUTUP..... | 7 |
| 11. REKOD DOKUMEN | 7 |

1. SKOP

Standard ini menggariskan panduan bagi permohonan untuk menduduki Peperiksaan Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran.

Standard ini hendaklah digunakan bersama-sama dengan Standard Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran [LEM/TEK/44 Sem.4 (BAHAGIAN A) (No. Dokumen: JKPPPS/1)].

2. SINGKATAN

Singkatan perkataan yang digunakan dalam Standard ini mempunyai makna seperti berikut:

2.1 AELB adalah *Atomic Energy Licensing Board* yang membawa makna Lembaga Perlesenan Tenaga Atom;

2.2 JKPPPS adalah Jawatankuasa Kebangsaan Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran; dan

2.3 PPS adalah Pegawai Perlindungan Sinaran.

3. TAFSIRAN

3.1 Pusat Peperiksaan

Pusat Peperiksaan adalah Pusat Peperiksaan Persijilan PPS iaitu tempat yang telah diiktiraf oleh AELB bagi menjalankan Peperiksaan Persijilan PPS.

3.2 Agensi Latihan

Agensi Latihan adalah Agensi Latihan PPS iaitu agensi yang telah diiktiraf oleh AELB bagi mengendalikan latihan kepada calon PPS seperti yang diperjelaskan dalam LEM/TEK/44 Sem. 1 (BAHAGIAN C).

3.3 Peperiksaan

Peperiksaan bermaksud Peperiksaan Persijilan PPS.

4. **SYARAT KELAYAKAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN**

4.1 Calon yang ingin memohon untuk menduduki Peperiksaan Persijilan PPS hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

4.1.1 Latihan

Telah menjalani latihan yang secukupnya dari Agensi Latihan yang diluluskan JKPPPS dan diiktiraf oleh AELB dan seterusnya memahami prinsip dan prosedur perlindungan sinaran dan sekuriti bahan radioaktif. Latihan yang diambil hendaklah tidak lebih daripada 36 bulan sebelum tarikh menduduki peperiksaan.

4.1.2 Lain-lain syarat

Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh permohonan dan disahkan secara bertulis telah mengikuti latihan di Agensi Latihan yang diluluskan JKPPPS dan diiktiraf oleh AELB.

4.1.3 Pengecualian syarat

Pengecualian syarat-syarat 4.1.1 - 4.1.2 bagaimanapun tertakluk kepada keputusan JKPPPS dan AELB.

5. **PROSEDUR PERMOHONAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN**

5.1 Permohonan untuk menduduki peperiksaan hendaklah dibuat kepada AELB secara atas talian (*on-line*) di laman web AELB.

5.2 Yuran peperiksaan adalah sebanyak RM 200.00 bagi setiap kategori yang diambil. Bayaran hendaklah dibuat atas nama Ketua Pengarah AELB.

- 5.3 Calon dikehendaki mengemukakan salinan sijil latihan PPS bagi bidang PPS yang akan diambil dan lain-lain dokumen bagi membuktikan kelulusan berkaitan kategori persijilan bersama-sama dengan permohonan. Semua salinan sijil hendaklah disahkan oleh majikan atau Agensi Latihan.
- 5.4 Majikan hendaklah mengesahkan kesahihan maklumat yang diberikan dalam permohonan. Sekiranya calon bekerja sendiri, beliau adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kesahihan maklumat yang diberikan.

6. KERTAS PEPERIKSAAN

6.1 Peperiksaan PPS ini terbahagi kepada 2 bahagian iaitu:

6.1.1 Peperiksaan Teori

Peperiksaan Teori: Peperiksaan Teori terdiri daripada *Peperiksaan Teori Asas* dan *Peperiksaan Teori Kategori*. *Peperiksaan Teori Kategori* mengandungi Bahagian Asas Kategori dan Bahagian Khusus Kategori.

- a) Dalam *Peperiksaan Teori Asas*, calon akan diuji perkara yang berkaitan dengan maklumat umum perlindungan sinaran.
- b) Dalam *Peperiksaan Teori Kategori*:
- i) Di Bahagian Asas Kategori, calon akan diuji perkara yang berkaitan dengan maklumat umum perlindungan sinaran dan sekuriti bahan radioaktif mengikut kategori PPS yang dipohon.

- ii) Di Bahagian Khusus Kategori, calon akan diuji perkara yang berkaitan dengan maklumat khusus perlindungan sinaran dan sekuriti bahan radioaktif mengikut kategori PPS yang dipohon.

6.1.2 Peperiksaan Amali

Peperiksaan Amali: Untuk Kategori 1 dan 2, calon dikehendaki menunjukkan kemahiran aspek am perlindungan sinaran dan menunjukkan kemahiran aspek khas perlindungan sinaran dan sekuriti bahan radioaktif mengikut bidang PPS yang dipohon.

Peperiksaan Amali: Untuk Kategori 3, Peperiksaan Amali terdiri daripada *Peperiksaan Makmal* dan *Peperiksaan Bertulis*. Peperiksaan Bertulis mengandungi Bahagian Asas dan Bahagian Khusus.

- a) Dalam Bahagian Asas calon dikehendaki menunjukkan kemahiran aspek am perlindungan sinaran dan sekuriti bahan radioaktif.
- b) Dalam Bahagian Khusus calon dikehendaki menunjukkan kemahiran aspek khas perlindungan sinaran mengikut bidang PPS yang dipohon.

6.1.3 Pengecualian

- a) Calon yang telah lulus Bahagian Asas Peperiksaan Teori dan Amali dan ingin mengambil peperiksaan untuk bidang PPS yang lain adalah dikecualikan daripada mengambil Bahagian Asas tersebut.
- b) Calon yang telah lulus dalam satu kategori dan hendak menambah kategori lain adalah dikecualikan daripada mengambil *Peperiksaan Teori Asas*.

- c) Calon yang telah lulus dalam satu kategori dan hendak menambah bidang dalam kategori yang sama, dikecualikan daripada mengambil *Peperiksaan Teori Asas* dan *Peperiksaan Teori Kategori* di Bahagian Asas Kategori.

7. PENILAIAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN

7.1 JKPPPS hendaklah bertanggungjawab untuk menilai keputusan peperiksaan teori dan amali mengikut keperluan dan prosedur di Para 7.2 di bawah:

7.2 Calon dianggap lulus peperiksaan apabila:

- a) Markah Peperiksaan Teori Bahagian Asas adalah $\geq 70\%$;
- b) Markah Peperiksaan Teori Bahagian Asas Kategori adalah $\geq 60\%$ dan Bahagian Khusus Kategori adalah $\geq 60\%$ dengan purata kedua-dua bahagian adalah $\geq 70\%$; dan
- c) Markah Peperiksaan Amali adalah $\geq 70\%$.

8. PEPERIKSAAN ULANGAN

8.1 Calon yang gagal dalam Peperiksaan Teori atau Amali dikehendaki menduduki semula peperiksaan yang gagal sahaja. Calon akan dimaklumkan mengenai peperiksaan yang perlu diulangi.

8.2 Peperiksaan ulangan hendaklah diambil dalam tempoh tidak melebihi 36 bulan daripada tarikh peperiksaan pertama yang didudukinya.

8.3 Sekiranya masih gagal lagi, calon dikehendaki menghadiri semula latihan PPS sebagaimana yang ditetapkan di Para 5.1.3 LEM/TEK/44 Sem. 2 (BAHAGIAN A). Calon juga dikehendaki mengulang semula kertas yang gagal sahaja.

8.4 Calon yang hendak mengambil peperiksaan ulangan hendaklah membuat permohonan mengikut prosedur yang ditetapkan seperti di Para 5.

9. MAKLUMAT TAMBAHAN

Keperluan Standard ini tertakluk kepada perubahan oleh JKPPPS dan AELB dari semasa ke semasa.

10. PENUTUP

10.1 Panduan ini adalah terpakai serta merta pada tarikh ia dikeluarkan.

10.2 Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung dengan jabatan AELB menggunakan alamat di bawah.

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi,
Alam Sekitar dan Perubahan Iklim,
Batu 24, Jalan Dengkil,
43800 Dengkil, Selangor.

No. Tel : +603-89225888
No. Faks : +603-89223685
E-mel: mnr-customer@aelb.gov.my
Laman web : www.aelb.gov.my

11. REKOD DOKUMEN

| Tarikh Terimapakai | Status Semakan | Penyedia |
|--------------------|----------------|--|
| 16 Jun 2006 | 1 | JKPPPS |
| 13 Mei 2007 | 2 | JKPPPS |
| 27 Mac 2015 | 3 | JKPPPS |
| 12 Disember 2018 | 4 | 1. JKPPPS 2. Cik. Siti Saleha Bt. Sofian Suri |